

Pusat sehenti pengumpulan dan pengedaran food bank di Kajang

Tarikh kemaskini: 14/01/2020



Sumber: KPDNHEP

PUTRAJAYA, 14 Jan -- Pusat sehenti pengumpulan dan pengedaran bagi Program Food Bank Malaysia (PFBM) akan dibina di Bukit Angkat, Kajang dan dijangka beroperasi bulan hadapan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menurutnya, model pelaksanaan PFBM adalah sama seperti di luar negara seperti Second Harvest Japan di Jepun, Gift of the Givers di Afrika Selatan dan Foodbank of Indonesia namun, antara 'kekurangan' dalam PFBM adalah pusat sehenti pengumpulan.

Saifuddin Nasution berkata dengan adanya pusat sehenti pengumpulan itu, ia memastikan sumbangan makanan dikumpul terlebih dahulu sebelum diagihkan ke kawasan operasi termasuk ketika berlaku bencana alam.

"Dengan adanya pusat pengedaran pula, proses pengumpulan dan pengedaran lebih tersusun. Ia memudahkan agihan tanpa kerehnan birokrasi dan bekalan berterusan akan memendekkan tempoh penyampaian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Yayasan Food Bank Malaysia dan Nestlé Malaysia Bhd. Yayasan Food Bank Malaysia diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Ab Wahab Long manakala Juan Aranols selaku Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé

- Malaysia Bhd mewakili syarikat itu.

Mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Penderma Makanan 2019, Saifuddin Nasution berkata pewartanya hanya akan dikeluarkan dalam masa 'satu atau dua bulan nanti' dan ia dijangka melonjakkan sumbangan dan menerima lebih banyak sambutan termasuk daripada pengusaha hotel.

Dewan Rakyat pada 9 Okt 2019 meluluskan rang undang-undang itu.

Fasal yang dicadangkan di bawah RUU itu adalah mengecualikan liabiliti sivil seseorang penderma makanan daripada apa-apa kecederaan diri atau penyakit yang dideritai oleh mana-mana orang atau kematian mana-mana orang yang diakibatkan daripada pengambilan makanan yang diderma atau diedar penderma makanan.

Mengenai MoU antara Yayasan Food Bank Malaysia dan Nestle Malaysia, Saifuddin Nasution berkata kerjasama selama dua tahun itu melibatkan syarikat itu yang membekalkan produk makanan seperti Milo, Nescafe, bijirin sarapan Nestle kepada lebih 50,000 keluarga golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan miskin tegar di seluruh negara.

"Kerjasama ini juga akan membantu dalam memastikan rakyat mempunyai akses kepada bekalan makanan yang cukup dan diet yang berkhasiat," katanya.

Menurut Saifuddin Nasution, Nestle Malaysia telah bekerjasama dengan menjadi penyumbang Program Food Bank Siswa di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor dan meneruskan kerjasama itu ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun ini.

Sejak dilaksanakan Ogos 2018 sehingga November 2019, PFBM telah berjaya menyelamatkan 1,984 tan metrik makanan dan berjaya disalurkan kepada 476,250 ahli isi rumah, manakala bagi Program Food Bank Siswa pula, sebanyak 21 universiti terlibat dengan memberi manfaat kepada 12,251 pelajar.

Bagi tahun ini, beliau berkata Program Food Bank Siswa akan diperluaskan kepada 123 institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk Institut Pendidikan Guru (IPG), politeknik dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

-- BERNAMA